



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

e-BuletinUiTMCM



| UiTM Cawangan Melaka

Citra


FEB

eBuletinUiTMCM /21
Vol.02 -Februar1 2021

AMANAT REKTOR 2021

YBHG. PROFESOR DR. ABD HALIM MOHD NOOR

19 FEBRUARI 2021 (JUMAAT)
10.00 Pagi



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka - FB Rasmi
melaka.uitm.edu.my



uitmcmelaka
uitmcmelaka



Sorotan menarik bulan Februari:

Amanat Rektor 2021

"Kebersamaan dan keterlibatan semua warga amat penting bagi memastikan kita mencapai kompetensi setanding global dalam membentuk Masa Hadapan yang gemilang".

Pelancaran i-Campus

Pelancaran "Intelligent Creative Accessible Modern Progressive University System".



Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Kedua Februari 2021

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2021 Hakcipta Terpelihara

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor	5
------------------------	---

Program-program Universiti

Perkembangan Wakaf Dusun Ilmu	7
Program Jom Menderma Darah Kampus Alor Gajah	8
Program Jom Menderma Darah Kampus Jasin	9
Pelancaran i-Campus UiTMCM	10
Siaran Langsung Amanat Rektor Tahun 2021	12
Majlis Penanaman Anak Pokok Projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan sesi Penyerahan Sumbangan Waqaf (Mock Cheque)	13
Penyerahan Pakaian Seragam Staf Tahun 2021	14

Ucapan Tahniah - Lantikan / Pengiktirafan	16
---	----

Kenaikan Pangkat Staf	17
-----------------------	----

Pelantikan Baharu Pendaftar	20
-----------------------------	----

Pemakluman

"Whatsapp Business" Pejabat-Pejabat Utama UiTM Cawangan Melaka	22
--	----

Liputan /Artikel Media	24
------------------------	----

Redaksi

e-BuletinUiTMCM



Terbitan Februari 2021



Cawangan Melaka



Ketua Editor
Akmal bin Adanan



Penaung
Prof Dr Abd Halim
bin Mohd Noor



Penolong Ketua Editor
Arif Imran bin
Anuar Yatim



Editor Buletin
Azniza binti Hasan



Editor Buletin
Hasnor Zura binti
Hashsim



Editor Buletin
Wendy Sharon Yapp
binti Abdullah



Editor Buletin
Siti Fairuz Binti
Abd Razak



Editor Grafik
Mohd Hanif bin
Mohd Omar



Editor Grafik
Hail Jefri bin Rusli



Isi kandungan
Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan
Mohamad Asrol bin
Arshad



Isi kandungan
Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan
Norazimah binti
Mat

UiTMCM Telegram
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
PELAJAR UiTMCM"

Dari Meja

KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol.2 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Februari 2021 ini.

Walaupun dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPP) berikutan Pandemik COVID-19, UiTM Cawangan Melaka telah berjaya menganjur dan melaksanakan beberapa program universiti dengan kawalan SOP yang ketat.

Program-program yang dijalankan pastinya memberi manfaat buat warga universiti. Antara program penting buat warga universiti pada bulan ini adalah Amanat Rektor Tahun 2021 dan Pelancaran i-Campus. e-Buletin pada bulan ini juga melaporkan perkembangan WaDI dan program derma darah bagi membantu menambahkan bekalan darah yang diperlukan di Hospital Melaka.

Setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada staf akademik yang mendapat pelantikan Teknologis Profesional. Tahniah juga diucapkan kepada staf akademik dan pentadbiran yang telah dinaikkan pangkat.

Sekian, terima kasih.

Akmal Adanan

Ketua Unit Komunikasi Korporat



Program-program Universiti

Perkembangan Waqaf Dusun Ilmu



ALOR GAJAH, 01 Februari 2021 - "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" itulah yang dapat digambarkan bagi projek Waqaf Dusun Ilmu ini yang kini memasuki fasa membina sangkar jaring, hanya bagi memastikan bahawa pokok-pokok yang akan ditanam nanti tidak terlalu terdedah kepada cahaya matahari dan binatang.

Justeru, pokok-pokok yang ditanam dapat membesar dengan lebih cepat dan sihat. Sangkar yang dibina oleh sukarelawan EL-Wazif ini adalah hasil dari pokok-pokok Akasia yang terdapat di sekeliling dusun ini. Walaupun kaedah penggunaan batang paip banyak digunakan, kaedah ini dilaksanakan bertujuan untuk menjimatkan kos

bagi memastikan sumbangan dana waqaf yang disalurkan dapat dimanfaatkan sebaiknya bagi pembelian anak-anak pokok dan lain-lain. Terima kasih kepada penyumbang-penyumbang dana.



Program Jom Menderma Darah Kampus Alor Gajah



Bekalan Darah merupakan satu perkara yang penting untuk menampung keperluan pesakit-pesakit di hospital khususnya di Hospital Negeri Melaka. Sehubungan dengan itu, Unit Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Melaka & Bulan Sabit Merah Malaysia

Chapter UiTM Melaka telah mengadakan derma bertempat di Dewan Syahbandar, UiTM Kampus Alor Gajah. Program ini berlangsung selama 2 hari bermula dari 03 hingga 04 Februari 2021 (Rabu & Khamis) jam 9.00 pagi – 2.00 petang bertempat

di Dewan Syahbandar, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Mohon jasa baik penderma-penderma budiman untuk menyumbang bagi menambahkan stok bekalan darah di Hospital Melaka yang sangat memerlukan.



Program Jom Menderma Darah Kampus Jasin




Sedang berlangsung kempen dan sesi Jom menderma darah @UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Bekalan Darah merupakan satu perkara yang penting untuk menampung keperluan pesakit-pesakit di hospital khususnya di Hospital Negeri Melaka.

Program ini berlangsung selama 1 hari bermula dari 09 Februari 2021 (Selasa) jam 9.00 pagi – 2.00 petang bertempat di Dewan Selera Kolej, UiTM Kampus Jasin. Mohon jasa baik penderma-penderma budiman untuk menyumbang bagi menambahkan stok bekalan darah di hospital yang sangat memerlukan.



Pelancaran i-Campus UiTMCM





Amanat Rektor

Tahun 2021

Siaran Langsung Amanat Rektor 2021



Amanat Rektor Tahun 2021 telah dijalankan secara langsung melalui Facebook dan YouTube rasmi UiTM Cawangan Melaka pada 19 Februari 2021 yang lalu. YBhg. Rektor mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga universiti yang telah bersama-sama melalui cabaran pada tahun lalu. Turut disampaikan dalam amanat tersebut adalah siri kejayaan, serta projek-projek kampus yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

Amanat Rektor Tahun 2021 ini amat penting bagi menggariskan hala tuju universiti selaras dengan Penunjuk Prestasi yang telah diamanahkan sejajar dengan Amanat Naib Canselor dan Yang Berhormat Menteri.

Turut bersama dalam Amanat Rektor ini adalah barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri. Tahniah kepada Unit Komunikasi Korporat dan jawatankuasa yang telah menjayakan program ini.



Majlis Penanaman Anak Pokok Projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan sesi Penyerahan Sumbangan Waqaf (Mock Cheque)



ALOR GAJAH, 25 Februari 2021 - Telah berlangsung Majlis Penanaman Anak Pokok Projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan sesi Penyerahan Sumbangan Waqaf (Mock Cheque) anjuran Unit Zakat, Sedekah dan Waqaf dengan penuh sederhana dan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Abd Halim Bin Mohd Noor, Rektor UiTM Cawangan Melaka.

Turut hadir bersama pada majlis adalah Pengurusan Eksekutif serta staf UiTM Cawangan Melaka. Majlis ini telah dimulakan dengan sesi penyampaian sumbangan waqaf (Mock Cheque) oleh pelajar-pelajar Kolej Lekiu, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Melaka (YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono), pensyarah-pensyarah ACIS (PM Dr S Salahudin Suyurno), Uni Charity Society Melaka (Encik Mohd Asyraf Rosli), Bahagian Teknologi Maklumat (Puan Rohayu Ramli), Puncak Teguh Resources (Puan Nor Hamiza Mohd Noor) dan Kolej Tun Sabariah (Encik Mohd Hanif Mohd Omar).



Penyerahan Pakaian Seragam Staf Tahun 2021



ALOR GAJAH - Seramai 18 staf telah menerima pakaian seragam baharu UiTM mewakili staf UiTM Cawangan Melaka. Pakaian seragam ini telah disampaikan oleh YBhg. Rektor, Prof Dr. Abd. Halim Mohd Noor

kepada wakil bahagian/unit disaksikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Puan Nor Aishah Haji Husain.

Sesi Penyerahan ini adalah sebagai simbolik penyerahan kepada semua warga untuk menggunakan pakaian seragam baharu tahun 2021.





Ucapan Tahniah

Kejayaan warga universiti

Tahniah


PROFESOR Ts. DR. SHAFINAR ISMAIL
TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN DAN JARINGAN INDUSTRI

di atas penganugerahan
TEKNOLOGIS PROFESIONAL (Ts.)

daripada
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) 

Ikhlas Daripada
Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Menyerahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka - Fikharah
#uitmdihatiku #kitauitm



Tahniah

Ts. DR. NURUL HIDAYAH MAT ZAIN
PENSYARAH KANAN
FSKM

di atas penganugerahan
TEKNOLOGIS PROFESIONAL (Ts.)

daripada
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) 

Ikhlas Daripada
Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Menyerahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka - Fikharah
#uitmdihatiku #kitauitm





(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Pelantikan Baharu Universiti



Setinggi-tinggi
Tahniah
YBRS. TUAN HAJI
MUHAMAD NIZAM NOORDIN
atas pelantikan sebagai
PENDAFTAR
Universiti Teknologi MARA
berkuat kuasa
15 Februari 2021 - 14 Februari 2024
daripada:
Lembaga Pengarah,
Pengurusan dan Warga UiTM

Menyertahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

Logos of various organizations and institutions are displayed at the bottom of the poster.



Pemakluman Universiti



Pelancaran "Whatsapp Business" Pejabat-Pejabat Utama UiTM Cawangan Melaka

Penyampaian Perkhidmatan kepada
pelanggan secara virtual



*"Jom berurusan dengan kami
secara virtual menggunakan
aplikasi WhatsApp!"*

"Whatsapp Business" Pejabat-Pejabat Utama UiTM Cawangan Melaka



PEJ. REKTOR



ADMIN KAG



HEA KAG



HEP KAG



PTAR KAG



BENDAHARI



KJM



KBM



PJI



PPF



Liputan / Artikel Media

Pangkat, kekayaan bukan ukuran kemuliaan

Dalam Islam, tiada ruang sedikit pun untuk kita merendahkan seseorang lagi menghinakan manusia lain. Sama ada dalam hati, secara lisan atau perbuatan, tindakan menghinakan orang lain ditenang Islam.

Perlu dipeka dalam minda ketika bermamalat bahawa pangkat, darjat, kemasyhuran, kekayaan dan pengaruh tidak membuatkan seseorang itu lebih mulia berbanding yang lain.

Pernah berlaku ketika Nabi Muhammad SAW duduk bersama sahabat, melintas seorang lelaki di hadapan mereka.

Maka Baginda bertanya sahabat pendayanya mengenai lelaki tadi, "Apa pandangan kamu tentang lelaki ini?" Maka sahabat itu menjawab, "Lelaki ini daripada golongan mulia (perdagangan/bangsawan). Demi Allah, apabila dia memandang, pasti akan ditunjukkan dan apabila dia meminta bantuan pasti akan dibantu". Nabi tertidam.

Kemudian melintas pula seorang lelaki yang lain di hadapan mereka. Nabi SAW bertanya kepada sahabat, apa pula pandangan mereka terhadap lelaki kedua yang baru berlalu sebentar tadi. Maka sahabat itu berkata:

"Wahai Rasulullah, pemuda ini adalah orang miskin daripada kalangan Muslimin, apabila ia meminta sudah pasti pintaannya ditolak, dan

jika meminta pertolongan dia tidak akan ditolong, dan apabila berkata, katanya tidak akan didengari".

Nabi SAW lantas bersabda, "Orang ini (lelaki kedua), lebih baik daripada seluruh isi bumi termasuk orang tadi (lelaki pertama)" (HR al-Bukhari).

Zahirnya, kita di dunia suka berlampir dengan orang yang terkenal, popular, berdarat dan berpengaruh kerana mengharapkan tempai kebajikan, motivasi serta kemasyhuran, bahkan mungkin kekayaan mereka.

Tidak mengira, Raihanlah fitrah manusia ini selari agama, sebagai mana tujuan dan caranya baik. Namun jangan sesekali lupa, apatah lagi menyisihkan golongan yang dipandang 'biasa-biasa' oleh kebanyakan manusia.

Perlu diingat, doa golongan yang dilihat miskin, tidak dipandang manusia, tidak dikenali dan tidak dirasakan penting ini diberi kelebihan yang cukup besar di sisi Allah SWT.

Dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Adakalanya orang yang rambutnya kusut masal, diusir ketika mengetuk pintu-pintu rumah orang, namun apabila dia berdoa, beresapah atas nama Allah, pasti Allah akan perkenalkannya." (HR Muslim).

Hadis ini memberi gambaran dan pengajaran yang sangat berguna. Imam Nawawi meletakkan hadis ini dalam kitabnya *Riyadh al-Salihin* pada bab 'Mengutamakan orang

Islam daripada kalangan orang lemah, miskin dan tidak dikenali'.

Dalam hadis lain, Nabi SAW pernah menceritakan ketamaman golongan ini terhadap kita semua. Baginda bersabda, "Sesungguhnya Allah akan menolong umat ini dengan sebab orang-orang yang lemah daripada mereka, iaitu dengan doa, solat dan keikhlasan mereka." (HR al-Nasai).

Ibnu Hajar al-Asqalani ketika menyebarkan hadis ini, membolehkan penjelasan daripada Ibnu Battal yang menyatakan, "Tafsir hadis ini bahawa orang-orang lemah lebih ikhlas dalam berdoa dan lebih khusyuk dalam ibadah kerana hati mereka sangat sedikit bergantung dengan kesibukan urusan dunia. Kerana itu Nabi SAW berwasat dalam banyak hadis supaya berkhidmat kepada orang yang miskin dan lemah".

Mungkin ada dalam kalangan kita sering berpede dengan golongan ini. Ketika ini, hanya ada dua sahaja pilihan, sama ada 'beri' atau 'pergi'. Maklumlah jika mahu memberi, berilah seikhlas hati. Jika tidak mahu memberi, cukuplah kita beredar membawa diri, tanpa diberi kata-kata yang menyakitkan hati.

Allah SWT berfirman maknanya, "Dan terhadap orang yang memintaminta, maka kangkalah kamu mengherdikannya." (Al-Dhuha, ayat 10)

Berdasarkan ayat ini, bukan sekadar melaki hamun, mengherdik (mengecewakan) orang kepada golongan ini pun dilarang Allah SWT (berbeza

jika nasihat atau menyiasat dengan cara baik, ia dibolehkan bahkan dalam sesetengah keadaan, ini lebih utama).

Justeru, cari dan raihlah ucapan "semoga Allah huskan rezeki anda" (sebagai contoh) daripada semua manusia - orang soleh dan orang yang kita kenal atau tidak kenal, termasuklah kalangan si miskin, pengemis dan sebagainya.

Boleh jadi, kita dimurahkan rezeki selama ini atau akan datang, asah doa mereka. Mudah-mudahan Allah tunjukkan kita jalan yang benar.

Penulis adalah Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Alor Gajah



Muaz Mohd Noor



Artikel Akhbar - Benta Harian
05 Feb 2021

Muaz Mohd Noor
Pensyarah
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
UiTM Cawangan Melaka

UiTM Melaka lancar projek WaDi

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) Melaka melangkah ke hadapan dengan melancarkan projek berimpak tinggi di Kampus Alor Gajah, iaitu projek Wakaf Dusun Ilmu (WaDi).

Menurut Rektor UiTM Cawangan Melaka, Prof. Dr. Abd. Halim Mohd. Noor, projek Wakaf Dusun Ilmu itu dilihat sebagai satu idea untuk merealisasikan persekitaran yang bertepatan pembangunan teknologi-hijau.

Katanya, projek itu adalah integrasi dusun buah-buahan dengan elemen rekreasi seperti trek jogging, trek berbasikal, kolam, trek aktiviti lasak (Palape), gazebo dan sebagainya yang akan dinikmati taraf oleh Unit Ke-kurikulum UiTM Melaka.

"Antara pokok yang bakal ditanam di kawasan sebuah lebih dua ekar ini ialah durian, Musang King, pokok manggis, pokok jambu, cempedak, kelapa pandan dan lain-lain. "Keluasan tapak projek yang menelan belanja hampir RM150,000 ini merupakan sebahagian dari peruntukan 20 ekar tanah yang telah dibersihkan untuk tujuan penanaman nanas MD2."



DR. ABD. Halim Mohd. Noor (kanan) dan Dr. S. Salahudin Suyurno menanam anak pokok kelapa Mataq di Wakaf Dusun Ilmu di UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka.

katanya. Pengenalan projek itu antara lain bagi menyahut Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah (EL-WAZIF) UiTM Cawangan Melaka. Muaz Mohd. Noor berkata, proses penanaman 140 lebih anak pokok ini bermula awal Februari lalu. Katanya, dijangka ia mengambil masa tiga ke lima tahun sebelum hasil tanaman ini dapat dituai.

yang indah, ceria dan kondusif. Sementara itu, Koordinator Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah (EL-WAZIF) UiTM Cawangan Melaka, Muaz Mohd. Noor berkata, proses penanaman 140 lebih anak pokok ini bermula awal Februari lalu. Katanya, dijangka ia mengambil masa tiga ke lima tahun sebelum hasil tanaman ini dapat dituai.

Dianggarkan pokok-pokok ini akan mengeluarkan hasil pada tahun kelima dengan nilai anggaran RM27,800 semestem. "Hasil jualan buah-buahan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh universiti dan masyarakat setempat. Ini termasuk membubuk kumpulan keusahawanan pelajar, bantuan kepada pelajar kategori asnaf miskin dan lain-lain.

"Hasil tanaman ini juga akan dibekalkan kepada warga kampus dan masyarakat setempat," katanya.

Dalam pada itu, UiTM Melaka menerusi sambutan wakaf anak pokok pertama bagi projek wakaf iaitu kira-kira 40 anak pokok kelapa jenis Mataq. Ia hasil sumbangan para pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Melaka.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Pusat ACIS, Prof. Madya Dr. S. Salahudin Suyurno kepada Dr. Abd. Halim.

Dalam majlis ringkas itu, Dr. Abd. Halim mengetahui aktiviti menanam anak pokok pertama di tapak projek WaDi, ia sebagai simbolik bermulanya fasa penanaman pokok buah-buahan pelbagai jenis di tapak projek itu. Mereka yang ingin berwakaf boleh menyumbang ke akaun Wakaf Dusun Ilmu UiTM Melaka, melalui aplikasi QR Code, potongan gaji, menyertai skim Saham Wakaf atau melalui akaun bank.

Sumbangan juga boleh disalurkan ke akaun Bank Islam nombor 0402-4080-076-52 (rujukan 'Wakaf Dusun Ilmu').

Siaran Media - Utusan Media
11 Feb 2021

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 7 2 7 8 5 8 0 4 0 0 5